

13/08/1997

Semerak pemangkin kejayaan BN Kelantan

d Shah Abdullah

SESUNGGUHNYA kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak memberi makna besar terhadap imej parti itu di Kelantan. Kejayaan di Semerak benar-benar menyemarakkan semangat dan daya juang pemimpin dan penyokong BN Kelantan. Ia juga menjadi hadiah paling berharga buat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan. Kepada calon BN, Kamarudin Mohd Nor, 50, yang menang dengan majoriti 778 undi, kejayaan itu sesuatu yang cukup manis.

Selepas dua kali tewas dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 di Parlimen Pasir Puteh, Kamarudin yang juga Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh dan seorang ahli perniagaan, akhirnya dinobatkan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semerak yang baru. Memang diketahui umum, Kamarudin sudah banyak berkorban, menabur jasa dan bakti di kawasan Parlimen Pasir Puteh. Iltizam beliau membantu penduduk setempat tanpa mengira perbezaan fahaman politik dan ideologi, walaupun tanpa memegang gelaran sebagai ahli yang berhormat sejak dua penggal lalu membuktikan keikhlasan dan semangat beliau untuk terus bekerja dan berkhidmat kepada parti, agama dan ummah.

Kemenangan itu memberi dampak mendalam terhadap hala tuju dan perjuangan BN Kelantan. Selepas tujuh tahun Kelantan diperintah oleh Pas, BN terpaksa bergelut dalam kemelut, malah ada masanya berserabut menghadapi Pas Kelantan. Dalam lima pilihan raya kecil sejak 1990, semuanya dimenangi oleh calon Pas atau gabungannya bersama Angkatan Perpaduan Ummah, khususnya bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46). DUN Semerak adalah medan pertama yang berjaya dimenangi BN, selepas S46 mufarakah daripada Pas untuk kembali ke pangkuan Umno.

Kejayaan di Semerak memberi `momentum' baru, sekali gus meledakkan kekuatan untuk menjayakan misi menawan Kelantan menjelang pilihan raya umum, dijangka pada 1999.

Sebenarnya, pemerhati politik sejak awal lagi menduga persaingan di Semerak cukup sengit. Hampir semuanya sepakat merumuskan sebarang kejayaan di pihak BN atau Pas akan berakhir dengan kelebihan undi majoriti di sekitar 200 hingga 300 undi. Kawasan itu memang kawasan yang tergolong dalam kerusi kemenangan undi marginal kepada mana-mana pihak. Malah ramai yang menduga BN pasti tersungkur lagi di Semerak, selepas tewas tipis 118 undi dalam pilihan raya kecil di Pulai Chondong Januari lalu. Sebab itu, sebaik saja keputusan diumumkan, ramai yang terkejut dengan kelebihan undi calon BN itu. Dugaan peramal politik meleset sama sekali, manakala penyokong Pas kecewa sesama sendiri.

Ada beberapa faktor yang membantu kejayaan BN. Gagasan tema `Membawa Perubahan' yang dibawa oleh BN nampaknya diterima rakyat Semerak sekali gus menggambarkan kesediaan rakyat Kelantan menerima perubahan. Walaupun slogan ini dipertikaikan oleh pimpinan Pas kononnya perubahan tidak diperlukan di Kelantan jika ia hanya untuk membawa kembali negeri ini ke dalam kancah `unislamic' (kononnya BN akan kembali melaksanakan nilai kemungkarannya jika kembali diberi mandat di Kelantan), nampaknya tidak mempengaruhi sikap pengundi untuk memberi sokongan kepada calon BN di Semerak. Gagasan perubahan BN sebenarnya bertujuan membawa rakyat Kelantan kembali ke dalam arus perdana negara, mewujudkan gandingan simbiosis kerajaan negeri dan Pusat serta melicinkan proses pembangunan fizikal tanpa mengabaikan pembangunan kerohanian rakyat. Sekalipun Pas mempertikaikan pembangunan ala-BN, Pas pun sebenarnya terpaksa mengakui

pembangunan fizikal tetap diperlukan sebagai senjata menawan hati pengundi. Ini terbukti kerana Pas turut melancarkan beberapa projek kilat sepanjang tempoh kempen itu seperti mentar jalan raya dan memungkah batu pasir bagi kemudahan penduduk.

Apa yang lebih penting, kejayaan BN juga menunjukkan betapa perpaduan kental di dalam parti menjadi faktor penting membantu kemenangan BN. Sebarang masalah dalaman parti yang selama ini menjadi `duri dalam daging' Umno di Kelantan, akhirnya berjaya dileraikan dalam pilihan raya kecil di Semerak. "Umno masuk berjuang di Semerak tanpa sebarang masalah dalaman yang berat," kata seorang penyokong kuat Umno di situ.

Buat pertama kalinya, percubaan menyerahkan Pengarah Operasi BN kepada anak tempatan, iaitu Kamarudin sendiri yang kemudian diangkat sebagai calon membuahakan kejayaan. Sebagai anak tempatan di Pasir Puteh, kedudukan Kamarudin sebagai Ketua Bahagian mempunyai gengsi (prestij) tersendiri. Beliau dihormati penduduk setempat dan lebih penting, Kamarudin faham `uruf' di Semerak. Benarlah kata pepatah Arab: "Orang Arab sendiri yang tahu lurah dan lembah bumi Makkah (tahu selok-belok di tempat sendiri).

Di sebalik kejayaan BN itu, Pas bagaimanapun masih mengekalkan kerajaan negeri dengan memiliki 25 kerusi daripada 43 kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN). BN pula kini mempunyai 18 kerusi. Sekalipun Pas mendakwa masih kekal sebagai kerajaan, mereka sebenarnya semakin bimbang kerana kekuasaan sedia ada semakin tergugat dan boleh digugat. Kemenangan itu sudah cukup membina keyakinan dan menaikkan moral BN di Kelantan untuk memecahkan tembok kerajaan Kelantan pimpinan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Namun, selain berbangga dengan kejayaan, BN bagaimanapun boleh mempelajari pengalaman Pas menghadapi pertandingan di Semerak. Daripada semangat mereka menyusun dan menghadiri ceramah kempen; mempersiapkan lojistik (perayu undi, pengangkutan, penyediaan pos peti undi) dan jentera parti, disusun dengan padu dan kemas. Pas sebenarnya berjaya menyuntik semangat bekerja dan daya juang yang begitu tinggi penyokongnya, diikat kejap dalam konteks `jihad fisabilillah'. Inilah yang patut diteladani petugas BN dan tidak bekerja semata-mata mengharap ganjaran upah kewangan atau sekali dipahat, baru bergerak.

Begitu juga fungsi Dewan Muslimat Pas yang bergerak cukup lancar dan berkesan menawan hati pengundi seperti `api dalam sekam', ini pun patut diteliti oleh Pergerakan Wanita Umno Negeri pimpinan Senator Zaleha Hussein.

Bagi bekas penyokong S46, mereka mungkin sudah membuktikan keikhlasan dan komitmen sebaik sahaja kembali ke pangkuan Umno. Kemenangan 778 undi sebahagiannya boleh jadi datang daripada bekas penyokong S46. Ini kerana dikatakan ada 700 penyokong bekas S46 di DUN Semerak. Kejayaan itu sekali gus membuktikan percantuman S46-Umno membuahakan hasil, selepas kebijaksanaan pimpinan Umno menyelesaikan pelbagai isu teknikal kemasukan bekas S46.

Akhirnya, BN mesti sentiasa ingat bahawa Pas Kelantan masih mempunyai kubu. Strategi menawan kubu inilah yang harus difikirkan secara serius mulai sekarang untuk kembali menawan Kelantan.

(END)